

Peralihan kepada cukai petak Januari 2020

KUALA LUMPUR – Cukai petak yang akan dikuatkuasakan bermula 1 Januari 2020 tidak akan membebankan warga kota terutamanya golongan B40.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad berkata, cukai yang akan dilaksanakan oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPT-GWP) itu mengambil kira kepentingan rakyat serta hasrat kerajaan untuk melaksanakan peralihan cukai tanah kepada cukai petak tanpa meningkatkan kos sara hidup ke atas warga kota.

"Bagi pemilik petak kediaman strata dari skim Kedia-

man Kos Rendah dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) terutamanya golongan B40, akan menikmati kadar tetap (flat-rate) cukai petak tanpa mengira saiz keluasan petak iaitu RM15 setahun untuk pegangan hak milik pajakan (leasehold).

"Bagi pegangan hak milik selama-lamanya (freehold) pula dikenakan sebanyak RM20 setahun," katanya ketika berucap pada Majlis 'Soft Launch' Pelaksanaan Cukai Petak Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Rumah Persekutuan di sini baru-baru ini.

Khalid berkata, berdasarkan rekod PPTGWP, terdapat



KHALID (kiri) menunjukkan poster pelaksanaan cukai petak yang akan dilaksanakan Januari 2020.

lebih 70 peratus kediaman jenis pangsapuri mampu milik yang mempunyai saiz

keluasan petak keseluruhan di bawah 1,030 kaki persegi atau 96 meter persegi ra-

ta-ratanya dimiliki golongan M40.

"Kadar cukai petak untuk kediaman strata jenis ini telah digubal bagi membolehkan pengenaan cukai petak pada kadar minimum iaitu RM20 setahun bagi pegangan hak milik pajakan (leasehold),

"Bagi pegangan hak milik selama-lamanya (freehold) dikenakan sebanyak RM25 setahun dapat dinikmati oleh pemilik-pemilik kediaman strata golongan M40," katanya.

Hadir sama Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, Datuk Che Roslan Che Daud.

Belanjawan DBKL 2020 beri fokus kepada kemakmuran, kesejahteraan rakyat

RM2.972 bilion demi warga kota

Oleh **NAZWIN NAZRI**
winwilayahku@gmail.com

KUALA LUMPUR – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memperuntukan RM2.972 bilion dalam Belanjawan 2020 khusus untuk kemakmuran dan kesejahteraan warga kota.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, belanjawan bertemakan 'Bandar Raya Ceria, Kemakmuran Bersama' itu memperuntukkan RM1.826 bilion atau 61.5 peratus untuk perbelanjaan mengurus manakala RM1.146 bilion (38.5 peratus) untuk pembangunan.

Jelas beliau, peruntukan mengurus terbahagi kepada lima komponen iaitu perkhidmatan dan bekalan (RM1.142 bilion); gaji, upahan dan manfaat pekerja (RM504.8 juta); pemberian dan kenaaan bayaran tetap (RM103.2 juta); bayaran lebih masa (RM67.4 juta) dan perbelanjaan lain (RM9.5 juta).

"Bagi aspek pembangunan pula, peruntukan terbahagi kepada pembiayaan berjumlah RM696.5 juta manakala pembiayaan daripada kerajaan dan lain-lain berjumlah RM449 juta.

"DBKL telah memperun-

tukkan RM661 juta meliputi (73 projek) jalan, saliran, cerun dan longkang yang sebahagian besarnya adalah untuk mengatasi masalah banjir kilat di sekitar ibu kota," katanya ketika membentangkan Belanjawan DBKL 2020 di sini baru-baru ini.

Menurut Nor Hisham, bagi meningkatkan kemudahan infrastruktur di seluruh ibu kota pula, DBKL akan bekerjasama dengan Lembaga Getah Malaysia (LGM) dalam kerja-kerja penurapan semula jalan dengan menggunakan 'Rubberised Bitumen' iaitu penggunaan teknologi Cuplump Modified Asphalt (CMA).

Ujar beliau, pihaknya turut memperuntukkan RM20 juta untuk pengurusan bas percuma GoKL pada tahun hadapan dengan perancangan untuk menambah dua lagi laluan perkhidmatan 'first mile' di sekitar ibu kota.

"Sebanyak RM26.5 juta diperuntukkan untuk program sewaan peralatan Integrated Transport Information System (ITIS) yang melibatkan penggunaan kamera litar tertutup (CCTV) dan perisian pengurusan video (VMS) yang mana 309 CCTV untuk polis manakala 691 CCTV untuk pemantauan trafik.



NOR HISHAM (tiga dari kanan) menunjukkan dokumen Belanjawan 2020 DBKL yang dibentangkan di Kuala Lumpur baru-baru ini.

"DBKL juga telah menjadikan Jalan Kinabalu menghalakan ke Cheras sebagai laluan free-flow iaitu laluan tanpa kawalan lampu isyarat di persimpangan Jalan Kinabalu/Jalan Maharajalela bermula 14 Disember lalu," katanya.

Nor Hisham berkata, RM10 juta diperuntukkan untuk menaik taraf pemasangan lampu LED (Light Emitting Diode) di lima buah taman awam iaitu Taman Tasik Datu Keramat, Taman Dusun Bandar, Taman Kejiranan Air Panas, Taman Bukit Jalil dan Taman Alam Damai.

"Sebanyak 45,100 unit lampu jalan jenis High Pressure Sodium Vapour (HPSV) ke-

pada LED telah dipasang dan akan meneruskan penggantian mana-mana baki lampu jalan pada tahun 2020.

"Selain itu, RM7.5 juta akan digunakan untuk membaik-pulih dan menaik taraf bangunan warisan iaitu Bangunan Sultan Abdul Samad dan Panggung Bandaraya," katanya.

Menurutnya, empat buah perpustakaan rangkaian akan siap sepenuhnya pada tahun hadapan iaitu Pustaka KL@Pudu Ulu, Pustaka KL@Masjid Al-Rahimah, Kg Pandan, Pustaka KL@PPR Sri Semarak dan Pustaka KL@PPR Sri Kelantan sempena Kuala Lumpur Ibu Kota Buku

Dunia 2020.

"Dalam memenuhi keperluan penduduk ibu kota, RM65 juta diperuntukkan untuk projek Perumahan Awam Council Home di Kampung Sungai Udang yang dijangka disiapkan pada akhir tahun hadapan.

"Projek pembangunan semula Pasar Raja Bot dengan kos keseluruhan RM142.8 juta dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2022 dan RM28 juta diperuntukkan untuk projek pembangunan semula Pasar Harian Selayang yang boleh menempatkan 754 lot tapak niaga yang dijangka siap pertengahan tahun 2020," katanya.



Amalina langsing dengan senaman konsisten

Oleh AINI MAWAWI
ainiwilayahku@gmail.com

TANYA sahaja kepada mana-mana wanita, pasti semuanya mengimpikan tubuh badan yang cantik dan langsing. Malah ada yang sanggup melalui jalan singkat dengan mengambil ubat kurus untuk mencapai impian itu.

Sungguhpun menyedari ia akan membawa kesan buruk kepada tubuh badan namun ada segelintir wanita tetap berdegil dan mempercayai lambakan



ubat-ubat kurus yang ada di pasaran.

Berbeza dengan Amalina Hisham yang percaya bahawa tiada jalan pintas untuk kurus melainkan dengan melakukan rutin senaman secara konsisten.

"Kebanyakan individu hanya menginginkan tubuh yang kurus tanpa memikirkan faktor kesihatan. Jadi ramai yang berjaya kurus namun tidak sihat," ujarnya.

Amalina yang merupakan model sambilan berkata, dia aktif mengikuti kelas senaman setiap minggu dengan bantuan jurulatih profesional.

Jelasnya, disiplin adalah perkara paling penting untuk memastikan misi menjaga kesihatan tubuh badan berjaya dicapai.

"Mungkin kerjaya sebagai model sambilan membuatkan saya tekad untuk berusaha keras bagi mencapai berat yang ideal," ujarnya.

Malah menurut anak kelahiran Gombak, Selangor ini, peregrin rakan karibnya akibat masalah obesiti menjadikannya lebih prihatin terhadap senaman dan pola pemakanan sihat.

Dengan ketinggian 168 sentimeter dan berat 52 kilogram, Amalina berjaya mengekalkan berat badan yang ideal.

"Saya sering tampil sebagai model dalam iklan televisyen, jadi tubuh badan yang langsing amat penting kerana kita akan terlihat lebih besar di kaca televisyen berbanding realiti," ujarnya.

Wanita jelita ini aktif dalam bidang peragaan dan pernah muncul dalam program serta iklan seperti Go Shop, Petronas Kad Mesra, KFC, video viral Jom Kahwin 2018, Digi dan sebagainya.

Tiga perkhidmatan dalam satu capaian

KUALA LUMPUR – Sejar perkembangan teknologi masa kini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menaiktaraf perkhidmatan aplikasi mudah alih mobile integrated service Kuala Lumpur (Mobis).

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad berkata, fungsi Mobis fasa dua itu ditambah baik setelah digunakan warga kota sejak 2017.

"Ada tiga perkhidmatan yang ditawarkan DBKL dalam satu capaian. Ia adalah kerjasama antara Jabatan Kewangan, Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Perlesenan Penjaja.



KHALID

"Menerusi aplikasi itu, orang ramai boleh membuat semakan dan bayaran notis kompaun trafik; semakan dan bayaran cukai taksiran serta memperbaharui lesen DBKL atau iklan papan tanda," katanya semasa berucap pada Majlis Pelancaran Mobis V2 dan Sistem KL Sport, Event dan Facilities (KLSPEF) di sini baru-baru ini.

Menurut Khalid, sempena bulan taksiran baru-baru ini, pembayaran cukai melalui Mobis adalah paling tinggi iaitu RM18,300 manakala hasil kutipan keseluruhan adalah RM2.617 juta (bermula 2018-2019).

Jelas beliau, rekod tersebut sekali gus menunjukkan bahawa warga kota mula mempercayai kecekapan aplikasi yang diperkenalkan DBKL.

Mengulas tentang sistem KLSPEF atau sistem tempahan dewan dan kegunaan sukan DBKL pula, beliau memberitahu, sistem berkenaan dibangunkan secara dalaman oleh kakitangan yang kompeten.

Ini kerana, katanya, sistem tersebut memberi keselesaan kepada warga kota untuk membuat tempahan dewan bagi acara majlis mahu pun pembayaran.

"Kita berjaya mengumpul RM1.3 juta dalam tempoh pelaksanaannya. Menerusi sistem ini sebanyak 59 unit dewan dan kompleks sukan di 11 parlimen Kuala Lumpur boleh ditempah secara atas talian," jelasnya sambil memaklumkan ia adalah inisiatif di bawah #DBKL-connected.